

# PM harap kunjungan Mahathir ke Thailand hasilkan persefahaman baik

BUSAN 18 Nov. - Perdana Menteri berharap kunjungan Tun Dr. Mahathir Mohamad ke Thailand Isnin depan akan menghasilkan sesuatu yang baik khususnya berhubung konflik di selatan Thailand.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau mengetahui mengenai

kunjungan tersebut dan bekas Perdana Menteri Thailand, Anand Panyarachun ada menghubunginya dan meminta pandangan mengenai lawatan itu.

"Saya menganggap kunjungan Tun Mahathir itu baik kerana beliau akan berjumpa dengan pemimpin tertentu selain meng-

hadap Raja dan Permaisuri Thailand di Istana Klaikangwon. Mudah-mudahan akan ada persefahaman dan cara-cara tertentu untuk menangani konflik di selatan Thai," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini selepas diminta mengulas laporan berhubung lawatan Dr. Mahathir ke Thai-

land bermula Isnin ini. Menurut laporan itu, isu pemberontakan di selatan Thailand dijangka menjadi tumpuan perbincangan bekas Perdana Menteri Malaysia itu.

Dr. Mahathir dijadual mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra di Ban Phitsanulok

sebelum menghadiri jamuan malam sempena lawatan itu.

Menurut pegawai Malaysia dan Thailand, tiada majlis umum atau agenda spesifik dijadualkan kerana lawatan Dr. Mahathir adalah sebagai tetamu peribadi Anand. - *Utusan*